

HELAIAN KETERANGAN PRODUK (Sila baca Helaian Keterangan Produk ini sebelum anda membuat keputusan memilih “IKHLAS Private Car Takaful”. Pastikan juga anda telah membaca terma-terma dan syarat-syarat di dalam Sijil Takaful ini.)	TAKAFUL IKHLAS GENERAL BERHAD (Ahli PIDM) (Dilesenkan di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013 dan dikawal selia oleh Bank Negara Malaysia) IKHLAS PRIVATE CAR TAKAFUL Tarikh:												
1) Produk apakah ini? Sijil ini memberikan perlindungan ke atas liabiliti terhadap kecederaan atau kematian pihak lain, kerosakan harta pihak lain, dan kerosakan terhadap kenderaan anda akibat kebakaran atau kemalangan atau kecurian kenderaan anda.													
2) Apakah konsep Syariah yang diguna pakai? • Tabarru' – bermaksud derma bagi tujuan perpaduan dan kerjasama di kalangan peserta-peserta Takaful dan akan digunakan untuk membantu semua peserta Takaful yang ditimpa musibah. Di dalam konteks pihak Syarikat, Tabarru' akan diperuntukkan ke dalam Dana Risiko Peserta. • Wakalah – merujuk kepada kontrak di mana satu pihak, sebagai prinsipal (<i>muwakkil</i>) membenarkan pihak lain sebagai ejen (<i>wakil</i>) untuk menjalankan tugas tertentu dalam hal-hal yang boleh diwakilkan dengan atau tanpa mengenakan bayaran. Di dalam konteks pihak Syarikat, kami dilantik sebagai ejen (<i>wakil</i>) untuk melaksanakan Perniagaan Takaful dan yuran Wakalah (<i>ujrah</i>) akan dibayar kepada pihak Syarikat. • Lebihan - Pihak Syarikat akan layak mendapat Insentif Prestasi Lebihan (SPI) sebanyak 50% daripada lebihan boleh-agih kasar. Walau bagaimanapun, pihak Syarikat boleh mengenakan caj SPI kurang daripada 50% daripada lebihan boleh-agih kasar mengikut budi bicara dan kesesuaian. Sebarang lebihan boleh-agih bersih (selepas ditolak SPI) daripada Dana Risiko akan diperuntukkan seluruhnya (100%) kepada peserta Takaful. Setelah tamat tempoh Sijil Takaful, sekiranya jumlah yang perlu dibayar kepada Peserta Takaful kurang dari RM10, jumlah tersebut akan terus disimpan di dalam Dana Risiko atau didermakan kepada badan amal bagi pihak Peserta Takaful sebagai amalan baik. Had serta kaedah dan tempoh penyelesaian pengagihan lebihan adalah seperti yang ditakrifkan di dalam Polisi Pengagihan Lebihan. Had tersebut tidak tertakluk jika Peserta Takaful memberikan maklumat perbankan mereka kepada pihak Syarikat.													
3) Apakah perlindungan-perindungan / manfaat-manfaat yang ditawarkan? Pelan ini melindungi: (a) Kecederaan tubuh badan dan kematian pihak ketiga; (b) Kerugian atau kerosakan harta pihak ketiga; (c) Kerugian atau kerosakan pada kenderaan sendiri yang disebabkan oleh kebakaran atau kecurian yang tidak disengajakan; dan (d) Kerugian atau kerosakan kepada kenderaan sendiri akibat kemalangan. Nota: Senarai di atas akan dilindungi di bawah perlindungan "Komprensif". Hanya (d) dilindungi di bawah perlindungan "Kebakaran dan Kecurian Pihak Ketiga". Hanya (a) dan (b) dilindungi di bawah perlindungan "Pihak ketiga" Perkhidmatan Percuma 24 jam Bantuan IKHLAS Road Assist Perkhidmatan percuma 24 jam yang termasuk perkhidmatan menunda akibat kemalangan dan kerosakan, bantuan tepi jalan dan perkhidmatan penghantaran bateri. Manfaat pilihan disediakan dengan tambahan sumbangan: • Perlindungan untuk Cermin Depan; • Perlindungan liabiliti penumpang; • Kerosakan akibat banjir, ribut, tanah runtuh dan sebarang malapetaka alam; - Perlindungan penuh sehingga 100% daripada amaun perlindungan, atau - Perlindungan terhad sehingga 25% daripada amaun perlindungan Nota: Adalah satu kesalahan di bawah undang-undang Republik Singapura untuk memasuki negara tersebut tanpa perlindungan liabiliti penumpang ke atas motor takaful anda. Sila rujuk sijil untuk senarai lengkap manfaat pilihan yang disediakan. Tempoh perlindungan ialah selama satu (1) tahun. Anda dikehendaki membaharui sijil anda setiap tahun.	• Perlindungan kemalangan peribadi; • Perlindungan Bagi Aksesori Kereta Anda; • Mogok, rusuhan dan kekecohan awam. • IKHLAS E-Hailing Takaful												
4) Berapakah jumlah Sumbangan yang perlu dibayar? Jumlah Sumbangan yang anda perlu bayar mungkin berbeza bergantung kepada faktor-faktor penilaian dalam mempertimbangkan harga. Beberapa faktor risiko termasuk umur, pembuatan kenderaan, umur kenderaan anda, keperluan amaun perlindungan* dan kelayakan diskaun tanpa tuntutan (NCD) anda. Contoh: <table border="1"> <thead> <tr> <th>Perlindungan Komprensif</th> <th>RM</th> </tr> </thead> <tbody> <tr> <td>Sumbangan Asas</td> <td>2,000.00</td> </tr> <tr> <td>Kurang NCD (25%)</td> <td>-500.00</td> </tr> <tr> <td>Tambah Perlindungan Tambahan (Cermin Depan)</td> <td>150.00</td> </tr> <tr> <td>Tambah Duti Setem</td> <td>10.00</td> </tr> <tr> <td>Jumlah Sumbangan</td> <td>1,660.00</td> </tr> </tbody> </table>	Perlindungan Komprensif	RM	Sumbangan Asas	2,000.00	Kurang NCD (25%)	-500.00	Tambah Perlindungan Tambahan (Cermin Depan)	150.00	Tambah Duti Setem	10.00	Jumlah Sumbangan	1,660.00	
Perlindungan Komprensif	RM												
Sumbangan Asas	2,000.00												
Kurang NCD (25%)	-500.00												
Tambah Perlindungan Tambahan (Cermin Depan)	150.00												
Tambah Duti Setem	10.00												
Jumlah Sumbangan	1,660.00												

*Amaun perlindungan adalah berdasarkan nilai pasaran dari sistem penilaian pangkalan data *Automotive Business Intelligence (ABI)* oleh *Insurance Services Malaysia (ISM)*

Nota: Contoh di atas adalah untuk tujuan ilustrasi sahaja.

Jumlah sumbangan, tertakluk kepada cukai, levi atau caj yang dikenakan oleh mana-mana pihak berkuasa di Malaysia kecuali dinyatakan sebaliknya.

5) Apakah yuran-yuran dan caj-caj yang perlu dibayar?

Yuran/Caj	Amaun
Yuran Wakalah	33%* daripada sumbangan yang terdiri dari: - Komisen – sehingga maksimum 10% - Perbelanjaan lain* – 23%
Duti Setem	RM10.00
Cukai yang digunakan	Kadar semasa yang dikenakan.
Yuran Pembatalan	RM10.00

* Yuran yang berbeza mungkin terpakai untuk perlindungan pilihan masing-masing.

6) Apakah terma-terma dan syarat-syarat utama yang perlu diketahui?

Kepentingan Pendedahan

- Menurut Perenggan 5 daripada Jadual 9 Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013, jika anda memohon produk takaful ini sepenuhnya untuk tujuan yang tidak berkaitan perdagangan, perniagaan atau profesion anda, anda mempunyai kewajipan untuk mengambil langkah penjagaan munasabah untuk tidak membuat salah nyataan semasa menjawab soalan-soalan dalam Borang Cadangan (atau apabila anda memohon untuk produk ini). Anda dikehendaki menjawab soalan-soalan dengan lengkap dan tepat. Kegagalan untuk mengambil penjagaan munasabah dalam menjawab soalan-soalan mungkin mengakibatkan pembatalan kontrak takaful anda, penolakan atau pengurangan tuntutan, perubahan terma atau penamatan kontrak takaful anda.
- Kewajipan pendedahan di atas adalah berterusan sehingga sijil anda dimeterai, diubah atau diperbaharui dengan kami.

Tunai Sebelum Perlindungan

- Adalah menjadi asas dan syarat mutlak perjanjian sijil ini di mana sumbangan penuh dibayar dan diterima oleh pihak Syarikat sebelum tarikh perlindungan berkuat kuasa. Syarikat tidak akan bertanggungjawab ke atas sijil ini kecuali sumbangan tersebut dibayar pada atau sebelum permulaan perlindungan.
- Anda dinasihatkan untuk membayar sumbangan terus kepada kami, sama ada dengan wang tunai, kad kredit atau cek (cek hendaklah dibuat hanya atas nama Syarikat sahaja).

Jumlah untuk Dilindungi

- Anda harus memastikan kenderaan anda dilindungi pada jumlah yang sepatutnya.

Ekses Semua Tuntutan

- Jumlah kerugian yang harus anda tanggung jika kenderaan anda mengalami kerugian atau kerosakan.

Ekses wajib

- Jumlah kerugian yang perlu anda tanggung jika kenderaan anda dipandu oleh seseorang yang tidak dinamakan di dalam sijil, dan/atau di bawah umur 21 tahun dan/atau memegang lesen memandu Sementara (P) atau Percubaan (L)

Bengkel yang Diluluskan

- Ini merujuk kepada mana-mana yang berikut:
 - Bengkel membaiki kereta yang dimana panel membaiki kereta yang diluluskan Kami;
 - Kami akan memastikan bilangan panel bengkel kami yang diluluskan mencukupi bagi menyediakan akses yang mudah dan munasabah kepada anda.
 - Sekiranya tiada panel bengkel yang diluluskan di mana-mana lokasi berhampiran semasa berlakunya Kejadian, Kami boleh, mengikut budi bicara Kami, memilih untuk sama ada:
 - Membantu Anda mengakses bengkel terdekat dalam panel Kami dan mengatitkan perkhidmatan tunda ke bengkel yang dipilih tanpa sebarang kos kepada Anda; atau
 - Membenarkan kenderaan yang rosak dibaiki di mana-mana bengkel pembaikan kemalangan yang berdekatan dan berdaftar dengan Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ), sebagaimana yang ditentukan oleh pihak Kami.
 - atau
 - Mana-mana bengkel kereta yang Kami beri kelulusan khas untuk digunakan. Keadaan di mana kelulusan khas boleh diberikan oleh Kami termasuk:
 - Tiada Bengkel yang Diluluskan dinyatakan di dalam (a) di atas tersedia di lokasi Kereta Anda, dan Kami tidak dapat membantu Anda untuk mengakses bengkel terdekat dalam panel Kami atau yang berdaftar dengan JPJ;
 - Kerja membaiki yang memerlukan kepakaran khas daripada bengkel pembaik kereta yang khusus yang tidak disediakan oleh Bengkel yang Diluluskan; dan
 - Bengkel Francais.

7)	Apakah pengecualian-pengecualian utama yang terdapat di dalam Sijil ini? Sijil ini tidak melindungi kerugian atau kehilangan tertentu, seperti: • Kematian atau kecederaan tubuh badan sendiri akibat dari kemalangan motor* • Liabiliti daripada tuntutan penumpang anda akibat dari kemalangan motor* • Kehilangan, kerosakan atau tuntutan liabiliti dari malapetaka alam seperti banjir, ribut atau tanah runtuh*; dan • Kehilangan turutan, susutnilai, haus dan lusuh, kerosakan mekanikal dan elektronik. *Perlindungan untuk yang berikut boleh dilakukan berasingan melalui endorsmen yang ditawarkan Nota: Senarai ini bukannya senarai yang lengkap. Sila rujuk sijil untuk senarai penuh bagi pengecualian di bawah sijil ini.
8)	Bolehkah saya membatalkan Sijil ini? Anda boleh membatalkan Sijil ini dengan memberi notis bertulis kepada pihak kami. Selepas pembatalan, anda layak mendapat pulangan sumbangan untuk kadar pro rata bagi tempoh sijil yang belum luput, tertakluk kepada terma dan syarat sijil. Tiada pulangan sumbangan dibenarkan jika ada sebarang tuntutan di bawah sijil ini. Di mana hanya Manfaat Pilihan dibatalkan tanpa pembatalan sijil motor asas, tiada bayaran balik sumbangan diberikan.
9)	Apakah yang perlu dilakukan sekiranya terdapat perubahan kepada maklumat untuk dihubungi? Adalah penting bagi anda untuk memaklumkan pihak kami tentang sebarang perubahan mengenai maklumat anda bagi memastikan semua surat-menyurat dapat disampaikan kepada anda tepat pada masanya.
10)	Bagaimanakah saya boleh mendapatkan maklumat lanjut? Sekiranya anda memerlukan maklumat tambahan mengenai <i>IKHLAS</i> Private Car Takaful, sila hubungi kami di: Takaful Ikhlas General Berhad Jabatan Pengurusan Perhubungan Pelanggan IKHLAS Point, Tower 11A, Avenue 5, Bangsar South, No. 8 Jalan Kerinchi, 59200 Kuala Lumpur Tel: 03-2723 9696 Faks: 03-2723 9998 Laman sesawang : www.takaful-ikhlas.com.my Emel: ikhlascare@takaful-ikhlas.com.my
11)	Produk seumpama yang boleh didapati? • <i>IKHLAS</i> Motorcycle Takaful • <i>IKHLAS</i> Commercial Vehicle Takaful • <i>IKHLAS</i> Motor Trade Vehicle Takaful • <i>IKHLAS</i> Special Type Vehicle Takaful
Notis Perlindungan PIDM Manfaat-manfaat yang dibayar di bawah Sijil Takaful yang layak adalah dilindungi oleh PIDM sehingga had perlindungan. Sila rujuk Brosur TIPS PIDM atau hubungi Takaful Ikhlas General Berhad atau PIDM (lawati www.pidm.gov.my).	
NOTA PENTING: ANDA HENDAKLAH MEMASTIKAN KENDERAAN ANDA DILINDUNGI PADA JUMLAH YANG BERSESUAIAN. SEKIRANYA BERLAKU KEMALANGAN, ANDA MESTI BERURUSAN DENGAN BENGKEL-BENGKEL YANG DILULUSKAN. JIKA ANDA MEMPUNYAI PERLINDUNGAN YANG KOMPREHENSIF DAN ANDA TIDAK BERSALAH, ANDA DINASIHATKAN SUPAYA MENGEMUKAKAN TUNTUTAN ANDA KEPADA PENGENDALI TAKAFUL ANDA. ANDA PERLU MEMBACA DAN MEMAHAMI SJIL TAKAFUL DAN BERBINCANG DENGAN EJEN ATAU HUBUNGI PENGENDALI TAKAFUL UNTUK MAKLUMAT LANJUT.	

Informasi yang disediakan dalam helaian keterangan produk ini adalah sah pada 01/07/2025